

♥♥♥  
*Kaunseling*



*Perkahwinan*



**WAWASAN  
PENABUR**

# Kaunseling Perkahwinan

Untuk Pastor yang Sibuk dan  
Pastoral Kaunselor yang Tidak Terlatih

Tajuk	: Kaunseling Perkahwinan
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Usun Wan
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre ([www.reconre.org](http://www.reconre.org)). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd


Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

# KAUNSELING PERKAHWINAN

Untuk Pastor yang Sibuk

dan

Pastoral Kaunselor yang Tidak Terlatih<sup>1</sup>



Itulah sebabnya seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu mereka menjadi satu. Lelaki dan perempuan itu telanjang, tetapi mereka tidak merasa malu.

*(Kejadian 2:24-25)*

Kaunseling Perkahwinan adalah satu kaedah bimbingan (**untuk konflik antara peribadi**) yang boleh diuruskan oleh seorang pastoral kaunselor biasa atau seorang pastor yang sibuk. Sekiranya pasangan itu masih tidak mampu menyelesaikan masalah secara sendiri selepas maksimum 6 hingga 10 sesi, kaunseling secara mendalam (**untuk konflik dalaman peribadi**) mungkin diperlukan. Pastor yang menolong pasangan ini mungkin perlu merujuk mereka kepada kaunselor profesional sepenuh masa sekiranya dia tidak mempunyai waktu atau tidak dilatih untuk kaunseling perkahwinan. Dalam pengalaman saya, sekiranya selepas beberapa sesi, saya mendapati punca utama semua masalah perkahwinan ini lebih kepada konflik dalaman

peribadi daripada konflik antara peribadi, saya akan berjumpa dengan mereka secara berasingan dan bawa mereka bersama sekali lagi setelah mereka bersedia. Ini perlu dibuat melalui persetujuan bersama. Jika tidak ia bukan satu kaunseling perkahwinan. Menyampaikan maklumat sulit dari seseorang kepada pasangannya adalah dilarang kecuali itu sesuatu yang merbahayakan nyawa. Saya mendapati kebanyakan pasangan yang ingin menyelamatkan perkahwinan mereka tidak keberatan dengan syarat berkongsi maklumat.

## Kaunseling untuk Konflik Antara Peribadi di Mana Pasangan Suami Isteri Berjumpa Kaunselor Serentak

Ini hanyalah salah satu daripada beberapa kaedah dalam kaunseling perkahwinan.

### A. Apa Anda Perlu Buat Di Sesi Pertama?

**D**ari awal lagi, kerjasama daripada mereka yang mahu dibimbing perlu disetujui supaya peranan pastoral kaunselor akan lebih berkesan. Berikut adalah sebahagian daripadanya:

#### 1. **Memastikan komitmen dan kesanggupan untuk bekerjasama**

Sekiranya sikap bekerjasama tidak ada atau lemah, pasangan ini mungkin akan hanya mempergunakan

kaunselor tersebut untuk tujuan kepentingan mereka sendiri. Contohnya untuk tampil tidak bersalah dalam kes perceraian mereka. Sekiranya ini terjadi, maka mereka dan anda hanya akan membazirkan masa dan tenaga sahaja.

## 2. Periksa

- Pemahaman mereka tentang perkahwinan
- Teologi mereka tentang perkahwinan
- Sama ada mereka telah melintasi garis kesetiaan
- Adakah mereka akan membuat perkahwinan itu satu keutamaan dalam kehidupan mereka sekiranya kedua-duanya mahu diperdamaikan.
- Peratusan harapan mereka masing-masing dalam menyelamatkan atau memperbaiki perkahwinan mereka. Contohnya:

*“En. Y, berapakah peratusan harapan anda untuk perkahwinan anda diselamatkan?”*

*(Jawapan): 100%*

*“Pn. Y, bagaimana pula dengan anda?”*

*(Jawapan): 50%*

Jawapan-jawapan tersebut akan menyediakan satu garis panduan penting kerana kita perlu bekerja

dengan pasangan tersebut berdasarkan tahap harapan dan kesanggupan mereka. Kita mahu berpegang kepada apa sahaja tahap kekuatan mereka, sekalipun itu hanya sekadar untuk berkongsi hidup bersama dengan damai demi kepentingan anak-anak mereka.

Dalam pengalaman saya, suami yang sanggup datang untuk berjumpa dengan kaunselor memiliki harapan yang lebih tinggi untuk perkahwinan mereka dapat diselamatkan, jika dibandingkan dengan isterinya. Suami yang keberatan tidak akan bersetuju untuk meminta pertolongan. Para isteri jarang menentang untuk menyelamatkan perkahwinan mereka kecuali dia mendapati benar-benar sukar untuk tinggal bersama suaminya yang pernah tidur dengan perempuan lain, atau (tetapi sangat jarang) jika mereka sudah membuat keputusan untuk mengahwini lelaki lain. Jika tidak, walaupun harapan si isteri adalah rendah (mungkin disebabkan sudah menunggu dengan lama untuk suaminya berubah), mereka sesungguhnya mahu diperdamaikan. Dan yang aneh sekali adalah lelaki yang mempunyai perempuan lain dalam hidupnya juga mempunyai harapan yang tinggi untuk menyelamatkan perkahwinan mereka. Mungkin mereka hanya mahu memiliki yang terbaik dari kedua-dua pihak, tetapi kebanyakan wanita tidak dapat menerima hal tersebut.


### **3. Perhatikan isu-isu yang terlibat**

Pasangan biasanya sudahpun menghadapi masalah berkomunikasi selama beberapa bulan atau tahun.


Kita mungkin terpaksa mengajar mereka cara-cara berkomunikasi sekali lagi.

Dalam perkahwinan:

- Sekiranya pasangan suami isteri tahu bagaimana cara bercakap secara membina tentang masalah mereka, mereka mungkin dapat menyelesaikan masalah mereka dengan sendiri<sup>2</sup>.
- Lelaki dan perempuan bercakap dalam 'bahasa' yang berbeza. Perbezaan dalam kefahaman dan penggunaan ayat percakapan dinamakan "Genderlect"<sup>3</sup>. Mereka cenderung untuk melihat kata-kata dari sudut yang berbeza:



Oleh sebab itu, bila pasangan datang untuk mendapatkan bantuan, mereka sudah bersedia dengan cara berkomunikasi yang berbentuk senapang dan meriam!



## B. Pencegahan Atau Rawatan Kepada Kegagalan Berkomunikasi

**B**erikut adalah langkah-langkah awal yang anda akan ambil dalam satu kaunseling perkahwinan.

### 1. Tindakan

Sekiranya suami dan isteri tidak mesra semasa berkomunikasi, mulakan dengan ini:



- (i) **MENDENGAR** dengan berhati-hati kepada komunikasi mereka. Mereka mungkin lebih berani untuk meluahkan perasaan dan fikiran sebenar mereka kepada anda daripada kepada pasangan mereka sendiri.
- (ii) Anda mungkin perlu **MASUK CAMPUR** dengan menggunakan Urutan Mendengar-Bercakap. Ini ialah usaha untuk memecahkan penghalang dalam komunikasi secara lisan. Ia adalah satu pendekatan berstruktur tinggi untuk:
- Melambatkan proses komunikasi mereka yang semakin panas
  - Untuk memastikan mereka tetap bersentuhan dengan perasaan mereka tanpa mengahkimi perasaan yang mereka luahkan. Biasanya mereka akan bertengkar tentang fakta dan tanggapan tetapi tidak mendengar perasaan pasangan mereka.
- (iii) Berikan mereka beberapa **PERATURAN DALAM KOMUNIKASI LISAN**:
- Pasangan mestilah berkomunikasi dengan cara **TIDAK menyerang** pihak lain melalui kata-kata kunci, bahasa tubuh atau kata-kata palsu.
  - Apabila isteri sedang bercakap, pasangannya haruslah **TIDAK membela diri** (kerana pasangan anda bukan sedang menghakimi anda!). Begitu juga ketika

suaminya bercakap, isterinya jangan memotong untuk membela diri.

- Komunikasi harus dilakukan dengan mesej **“SAYA”** dan bukannya **“KAMU”** (kerana **“SAYA”** menggambarkan perasaan **“saya”** tetapi **“KAMU”** cenderung untuk menghurai dan mendedahkan kesalahan **“kamu”**).
- Hapuskan perkataan **“yang itu”**. Contohnya, **“Saya rasa marah ...”** **BUKAN** **“Saya rasa yang itu ...”**

## 2. Demonstrasi

*Pastoral Kaunselor:*

Pertama :

**“Saya akan mengajar anda latihan berkomunikasi.”**

*“Lisa, luahkan satu kenyataan perasaan kepada Jeffery.”*

Contoh:

*“Saya merasa tidak dihargai bila kamu tidak mempunyai masa untuk saya.”*

Kedua :

**“Jeffery, beritahu Lisa apa yang telah dia katakan kepada anda.”**

(Jeffery mungkin menggeliat kerana tidak selesai!)

Contoh:

*“Dia mengatakan bahawa dia berasa tidak dihargai apabila saya tidak meluangkan masa bersama dia.”*

Atau

*“Dia marah bila saya tidak meluangkan masa untuknya.”*

Ketiga :

**“Lisa, adakah itu yang anda ingin katakan kepada Jeffery?”**

(Adakah Jeffery mendengar apa yang telah anda katakan?)

Jika jawapannya adalah “Tidak”, maka ulang ketiga-tiga langkah ini sekali lagi sehingga Lisa betul-betul merasa telah didengari.

Kemudian teruskan ke langkah yang keempat.

Keempat :

**“Jeffery, adakah anda bersetuju itu yang Lisa rasakan apabila ini berlaku?”**

(Jeffery mungkin akan mengeliat tidak selesa sekali lagi)

**SETERUSNYA ULANG KEEMPAT-EMPAT LANGKAH INI SEKALI LAGI DENGAN PASANGANNYA DENGAN MEMBUAT PERNYATAAN PERTAMA.**

*Pastoral Kaunselor:*

*“Jeffery, sekarang giliran anda pula. Jeffery, buatlah satu pengakuan perasaan kepada Lisa...”*

Latihan ini sering kali akan membantu pasangan tersebut menyedari bahawa mereka bukan sengaja mahu dilukakan tetapi mereka sebenarnya melihat sesuatu perkara dari sudut yang berbeza. Ini akan membantu mereka untuk memaafkan satu sama lain dan menerima siapa diri mereka seadanya. Tetapi ini memerlukan banyak kasih kurnia, kesabaran dan pengertian.

**Ingat:**

*Mengulang dan mentafsir satu pesanan dilakukan oleh dua orang yang mempunyai cara mereka yang tersendiri. Ini akan membawa mereka kepada masalah mereka sendiri.*

Sila baca **“Lidah dan Bahasa”** dalam Siri Bimbingan Remaja terbitan Wawasan Penabur untuk lain-lain aspek dalam komunikasi lisan.

### 3. Berhati-Hati Dengan Pembuat Kacau & Pengacau

Dalam situasi ini:

- (i) Salah satu pasangan (atau kedua-duanya) menafikan keseluruhan proses berkomunikasi. Apabila merasa tersepit, dia akan mengatakan,

“Bagaimana kamu boleh melihat saya sebegitu?”

“Saya minta maaf kamu menganggangnya begitu.”

Kata-kata seperti ini cuba menambahkan rasa bersalah ke atas si mangsa. Perkataan “maaf” seperti itu bukan mengaku kesalahan yang dilakukan tetapi satu cara yang sopan untuk menyatakan:

*“Siapa suruh kamu salah menilai saya? Itu bukan kesalahan saya!”*

- (ii) Kadang-kadang penafian seperti berikut ditunjukkan:

- renungan mengancam atau membuat mimik muka yang bertujuan untuk mencegah pasangannya daripada menyatakan diri dan perasaan sepenuhnya di hadapan orang ketiga.
- reaksi yang berlebihan terhadap situasi

- menukar subjek dari masa ke semasa
  - menunjukkan kemarahan yang berlebihan untuk membuat pihak yang satu lagi diam
  - ketawa yang berlebihan (ini lebih sering terjadi kepada kaum lelaki bila bersangkutan dengan emosi mereka tetapi tidak tahu apa yang perlu dilakukan)
- (iii) Mereka adalah 'pengacau' kerana mereka membuat orang lain keliru dan menyebabkan huru-hara dalam perhubungan, contohnya di pejabat atau rumah. Mereka membuat anda naik geram kerana mempertikaikan sesuatu dan menyebabkan kekecohan tanpa sebab!

Perkahwinan seperti ini masih boleh berlanjutan dengan membuat pasangannya merasa dirinya bebal dan semuanya adalah kesalahannya! Konflik luaran boleh dielakkan selagi mereka tidak mpedulikan satu sama lain.

### Satu Contoh Umum

*Hubungan suami isteri menjadi dingin dan berseteru selepas 10 tahun berkahwin.*

Ngau adalah seorang yang panas baran dan mempunyai temperemen yang ekstrovet. Dia mengatakan bahawa itulah sifat semulajadinya. Semua orang mengalah kepadanya. Kenapa pula isterinya tidak boleh melakukan hal yang sama? Pada mulanya, isterinya Janet, bertolak ansur dengan kelakuannya.

Janet pula memiliki temperemen introvet, dan telah bertolak ansur dengan cara Ngau sejak mereka berpacaran lagi. Akhirnya, dia keletihan dengan tengkingan suaminya dan mula menjawab, dan mula dibalas dengan pukulan oleh suaminya. Sejak itu dia mulai memberontak secara fizikal.

Kedua-dua mereka menyayangi kedua orang anak mereka dan mahu menyelamatkan perkahwinan mereka. Tetapi bagaimana?

Kami sudah bertemu untuk lima sesi (dengan satu sesi tambahan mereka dirujuk kepada satu pasangan yang lain bagi menangani keterlibatan okultik Ngau kerana dia pernah dipersembahkan kepada dewa perang Cina semasa dia masih remaja). Pada mulanya, Janet sangat bersikap berseteru. Dia menjerit kepadanya dan hampir kehilangan diri di sepanjang sesi pertama kami. Selepas dua sesi, saya terpaksa bertemu dengan mereka secara berasingan. Pada masa itu mereka telah belajar untuk memaafkan dan dimaafkan. Kerana anugerah Allah, mereka telah dapat mencapai beberapa langkah kompromi.

- Ngau telah belajar untuk mengawal kemarahannya sebelum dia naik berang dengan cara keluar dari rumah, terutama sekali bila dia merasa jengkel dengan leteran dan komentar Janet. Sedikit demi sedikit dia belajar untuk membiarkan isterinya bersendirian apabila isterinya berkata dia keletihan dan memerlukan sedikit masa untuk dirinya sendiri. Sebelum ini dia akan menyalahkan isterinya kerana bersikap tidak mesra.

- Janet pula telah belajar untuk mengawal lidahnya dan mempercayai suaminya apabila dia mengatakan dia mengasihi Janet dan sangat berharap perkahwinan mereka dapat diselamatkan. Janet mengambil inisiatif dengan menukar pekerjaannya supaya dia dapat meluangkan lebih masa untuk keluarga.
- Kedua-dua mereka juga sangat entusias untuk menolong pasangan-pasangan yang lain dalam kelompok sel mereka, dan kini mereka termasuk dalam kumpulan kaunseling yang dipakai Tuhan!



## Diagnosis

- 1 Apakah isu utama?
- 2 Bagaimana kami boleh membantu?

### 1. Kelaziman dalam mendedahkan masalah

- (i) Mendedahkan masalah mungkin bukanlah isu sebenar yang dihadapi.
- (ii) Prinsip utama dalam semua perhubungan antara manusia adalah:

*Tidak ada yang adil dalam satu perhubungan perkahwinan. Contohnya wang, seks, atau cara*



*anda berpakaian. Ia selalunya adalah satu "mesej metafizika", iaitu satu mesej yang cuba menyampaikan satu kenyataan di mana ada satu keperluan perhubungan (emosi) yang tidak kelihatan yang belum dipenuhi.*

## 2. Kategori-kategori diagnosis

- (i) Masalah perkahwinan yang lebih mesra/ringan yang memerlukan lebih banyak kaunseling pendidikan. Contohnya masalah ketidak-sempurnaan dalam hubungan intim suami dan isteri, kesukaran memenuhi keperluan seks, atau kekurangan pemahaman tentang temperemen peribadi dan/atau pasangan mereka.
- (ii) Keperluan-keperluan anak-anak. Misalnya dalam cara mendisiplinkan anak, penggunaan wang ke atas mereka dan impian ibu bapa untuk mereka.
- (iii) Pergaduhan dan/atau perbalahan. Contohnya kelalaian atau kecuaiian, penganiaan atau penderaan, masalah kewangan, memuaskan nafsu di luar batas perkahwinan.
- (iv) Perselisihan dan konflik dengan mertua dan sanak saudara. Ini adalah perkara yang selalu terjadi dalam keluarga di mana perintah Allah untuk "tinggalkan ibu bapa dan mulai keluarga yang baru" tidak dituruti oleh pasangan tersebut (Kejadian 2:24).

## Penyebab-Penyebab Utama & Bantuan

### 1

**Penyebab :** Keperluan untuk mendapatkan ruang/ jarak emosional



**Bantuan :** Apabila ini adalah satu isu yang besar, peranan kita adalah untuk membantu pasangan tersebut memahami dan menerima diri mereka dan juga personaliti masing-masing. Konflik ini boleh terjadi apabila salah satu daripada pasangan tersebut "bersikap dingin" kerana kepenatan. Contohnya penyesuaian yang harus dilakukan selepas kelahiran anak pertama mereka.

### 2

**Penyebab :** Pergelutan kuasa... siapa yang berkuasa atau menentukan keputusan?

**Bantuan :** Apabila ini menjadi isu yang utama, peranan kita adalah untuk membantu mereka memahami peranan masing-masing dalam model perkahwinan.

## Model-Model Kepatuhan/Ketundukan



Dalam **Model Alkitabiah**, ia merupakan satu **model yang saling tunduk**. Suami dan isteri sebenarnya mempunyai kurnia-kurnia untuk mereka gunakan bagi melayani satu sama lain. Tumpuannya adalah terhadap keupayaan untuk memenuhi peranan yang bergantung kepada kurnia yang

mereka miliki masing-masing, dan bukannya siapa yang mempunyai **suara utama** dalam perkahwinan. Hanya Kristus sahaja yang mempunyai kuasa mutlak ke atas suami dan isteri.

Dalam **Model Kristian Moden**, ia merupakan satu **model tunduk sepenuhnya kepada pihak yang berkuasa**. Isteri wajib patuh dan tunduk kepada suami yang adalah ketua keluarga. Jika kedua-dua pasangan dalam perkahwinan bersetuju untuk mengikuti peraturan ini, maka mereka masih boleh hidup dengan aman seperti lumrahnya di kebanyakan rumahtangga Asia. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, seorang yang dipaksa untuk tunduk sedang 'mengeram' rasa tidak sabar atau kemarahan dan mahu pendapatnya diterima serta dilayan dengan sama rata. Pada kes-kes yang ekstrim, suami menjadi seakan-akan tuhan kecil kepada isteri. Dan itu tidak alkitabiah! Walau bagaimanapun, ramai yang tidak melihatnya demikian. Alkitab sebenarnya mengajar tidak ada ketundukan di kalangan sesama manusia melainkan mereka saling tunduk. Ini adalah benar untuk perhubungan antara ibu bapa dan anak, suami dan isteri serta tuan dan pekerja.

Peranan seorang kaunselor adalah untuk membantu mereka mengetahui harapan dan ekpektasi mereka secara relatif dengan peranan mereka dalam isu-isu ini.

Pertanyaannya sekarang adalah: bagaimana pula kita dapat memahami ayat-ayat seperti Efesus 5:21-6:33? Kita tidak berani mengandaikan bahawa garisan sejajar Kristus sebagai kepala kepada gereja itu sama dengan suami

sebagai kepala kepada isteri dengan memiliki kuasa yang sama dengan Kristus. Bagaimanakah ini mungkin, jika Kristus adalah Anak Manusia dan Anak Allah yang sempurna sedangkan kita hanyalah manusia biasa yang berdosa yang masih dalam proses penyempurnaan? Saya lebih suka melihat petikan di atas dengan cara berikut<sup>4</sup>:

Sebagai makhluk yang lebih beremosi, kaum perempuan seringkali membuat keputusan dengan hati mereka. Oleh kerana mereka lebih berorientasikan orang dan perhubungan, mereka akan cuba untuk mencari keputusan mana yang lebih aman daripada bertengkar di rumah. Oleh itu, mereka mungkin kelihatan ragu-ragu dan susah untuk membuat keputusan. Mereka akan merasa merana sepanjang hari sekiranya mereka telah menyinggung perasaan suami mereka. Sebab itulah Paulus mengingatkan mereka untuk menggunakan akal fikiran (bukan perasaan) apabila mereka berhubung dengan kaum lelaki. Jangan sampai perasaan mengawal mereka supaya suami mereka boleh menerima keputusan mereka. Sebab itu Paulus mengajar: “isteri, tunduklah kepada suami kamu ...” kerana ketundukan memerlukan pengawalan penggunaan fikiran, terutama sekali apabila dia tidak bersetuju dengan seseorang mengenai isu yang dihadapi. Dalam erti kata lain, Paulus meminta para isteri untuk bertumbuh daripada cara berfikir yang lemah dan cuba menjadi orang yang lebih seimbang.

Sebagai makhluk yang lebih rasional dan berfikir, kaum lelaki cenderung untuk menjadi kurang cekap dalam menggunakan perasaan dan fungsi perhubungan mereka. Oleh itu, Paulus harus mengingatkan mereka untuk memberi

tumpuan kepada fungsi perasaan mereka yang lemah dan belajar untuk berhubung dengan perasaan isteri mereka dengan kasih Kristus. Ini akan mendatangkan kebaikan kepada si suami, kerana isterinya akan lebih dapat menerima keputusan mereka bila perasaan mereka dihormati. Dengan itu keputusan terbaik boleh dibuat semasa mereka menghadapi perkara yang cemas atau hal-hal keluarga yang serius. Dalam hal ini, Paulus meminta para suami untuk bertumbuh dengan mengembangkan bahagian perhubungan mereka yang lemah supaya menjadi orang yang lebih seimbang juga.

***Penyesuaian secara budaya*** juga harus dipertimbangkan. Contohnya ada setengah isteri yang inginkan suami mereka berusaha lebih gigih manakala yang lain pula tidak mepedulikan hal tersebut. Ada beberapa budaya di dunia di mana perempuan diterima sebagai ketua keluarga. Misalnya kaum perempuan suku Minangkabau dari Sumatera. Banyak perempuan Kristian mengharapkan suami mereka memimpin dalam hal kerohanian tetapi dengan senang hati berkongsi secara sama-rata dalam hal-hal lain seperti kewangan, membesarkan anak dan membuat keputusan. Walau bagaimanapun, amat sedikit pasangan yang membincangkan isu ini secara terperinci sewaktu mereka berpacaran. Sebab itulah definisi kesama-rataan dan peranan tetap tidak jelas. Pada waktu yang sama, oleh kerana sistem rumahtangga perlu berfungsi, salah seorang daripada pasangan tersebut, atau kedua-duanya sekali, akan mengikut sahaja model ibu bapa mereka sendiri sehinggalah satu masalah timbul. Pada waktu yang sama, ramai suami takut untuk menyinggung perasaan isteri mereka. Mereka juga perlu

belajar bagaimana untuk melihat dan bertindak balas kepada peningkatan kebebasan bersuara dalam semua bidang oleh kaum perempuan. Secara bersama-sama, mereka masih boleh berusaha untuk berkompromi supaya peranan menjadi lebih jelas di rumah, walaupun itu mungkin berlainan bila berada di luar rumah.

**Ingatlah!**

**Hanya Yesus Kristus sahaja yang mempunyai kuasa mutlak ke atas semua orang dan segala sesuatu.**

(Kolose 1:15-20)

**3**

**Penyebab :** *Isu Kepercayaan*

**Bantuan :** Ada kalanya satu masalah perkahwinan sebenarnya telah bermula sebelum mereka berkahwin. Ini mungkin disebabkan oleh salah satu atau kedua-dua pasangan tersebut menyimpan rahsia yang lampau daripada pengetahuan pasangan mereka kerana terlalu takut untuk kehilangan pasangan mereka. Dalam kebanyakan kes, perkongsian rahsia memperkayakan lagi perhubungan mereka sekiranya kedua-dua pasangan itu cukup matang untuk menghadapinya. Sebenarnya, adalah

lebih bijak untuk bercakap jujur di peringkat pra-perkahwinan supaya mereka memberi peluang kepada satu sama lain untuk berkata "Tidak" kepada perhubungan tersebut. Walau bagaimanapun, ini mesti dilakukan pada masa yang tepat dan di dalam kasih Tuhan. Jika tidak, maklumat tersebut mungkin akan digunakan untuk menyakiti pasangan mereka. Ini memang sudah pernah terjadi!

- (i) ***“Bolehkah saya percaya suami/isteri saya dengan wang, kuasa dan seks?”***

#### **Amaran kepada Pasangan Berkahwin:**

Pertimbangkan kenyataan ini:

*“Jika saya tidak merasa serasi dengan pasangan saya, sesiapa sahaja dari lawan jenis akan kelihatan lebih menarik!”*

Sebab itulah, ianya tidak bijak untuk berkongsi masalah-masalah perkahwinan dengan seseorang dari lawan jenis, tidak kira betapa baiknya dia sebagai seorang kawan.

Kaunseling perkahwinan memerlukan pasangan tersebut berjumpa dengan kaunselor bersama-sama, sekurang-kurangnya semasa sesi pertama. Ini supaya kedua-duanya boleh mempercayai kaunselor akan bersikap neutral dan berkecuali.



Walau bagaimanapun, di dalam sesi kaunseling yang profesional, kaunselor mungkin harus mendengar masalah-masalah tertentu daripada pihak yang meminta bantuan terlebih dahulu. Jika tidak, ini bukanlah kaunseling perkahwinan tetapi hanya satu kaunseling peribadi.

- (ii) ***“Bolehkah saya mempercayai pasangan saya dengan perasaan saya? (Siapa saya yang sebenarnya?)”***

*Atau*

***“Sekiranya saya mempercayainya dan dia seolah-olah menerima saya secara terbuka, adakah dia sebenarnya mengumpulkannya di dalam kabinet untuk digunakan bagi menentang saya di kemudian hari?”***

*Atau*

***“Bolehkah saya mengharapkan cinta yang tanpa syarat daripadanya?”***

- ⇒ Terangkan kepada mereka bahawa kepercayaan yang pecah mengambil masa untuk dibina semula. Ia seperti sebuah jambatan. Orang akan melangkah di atas jambatan yang baru itu dengan berhati-hati.
- ⇒ Terangkan kepada pihak yang tidak bersalah bahawa walaupun mereka telah saling mengampuni, perasaan marah tetap akan melanda mereka sekali-sekala.

Perasaan-perasaan silam ini dijangkakan akan kembali. Oleh itu, mereka perlu berkali-kali menyerahkan perasaan-perasaan jahat ini kepada Tuhan Yesus<sup>5</sup>.

- ⇒ Terangkan kepada pihak yang membuat kesilapan bahawa ada kalanya pasangannya akan meletup lagi, dan tidak ada gunanya berkata, “Kau nak mula lagi...”
- ⇒ Kesimpulannya: doa, pertaubatan dan komunikasi perlu dibuat berulang-kali!



**Penyebab** : Identiti diri dan ketidak-selesaian dalam peranan

Salah satu atau kedua-dua pasangan tersebut mungkin tidak atau belum membentuk identiti diri mereka sebagai anak-anak yang dikasihi Tuhan, iaitu sebagai seorang lelaki atau perempuan dalam Kristus. Justeru itulah kebanyakan pertanyaan tersembunyi mereka mungkin:

- *Siapa saya dalam perkahwinan ini?*
- *Apakah peranan yang saya mainkan?*
- *Adakah saya merasa selesa dalam sifat kelelakian/kewanitaan saya?*

**Bantuan:** Tuliskan perkataan-perkataan untuk peranan berikut dan tanya mereka perkataan manakah yang mereka rasa selesa dan

mengapa. Contohnya, ada wanita yang merasa lebih selesa sebagai seorang pemimpin daripada menjadi seorang pengikut dan sebaliknya.

Ibu	Bapa
Perempuan	Lelaki
Wanita	Laki-laki
Isteri	Suami
Kekasih	Pekerja
Pengikut	Pemimpin

Ajarkan mereka mengenai penerimaan diri sendiri. Ini amat penting kerana orang yang mempunyai keyakinan diri yang rendah cenderung untuk mempunyai permintaan yang berlebihan bagi membuat dia berasa baik dan diterima. Dengan kata lain, "*Anda tidak akan berbahagia berkahwin dengan orang lain jika anda tidak bahagia berkahwin dengan diri anda sendiri.*" (D.A. Seamands)

### **Bahaya**

Kita sering mencari orang lain untuk membangun atau meruntuh jaminan dan kebahagiaan kita. Contohnya di dalam perkahwinan, pasangan yang merasa kurang terjamin cenderung untuk mendapatkan identitinya melalui keluarga atau status sosial pasangannya. Ini boleh membawa kepada banyak masalah lain seperti:

- ⇒ Menyalahkan pasangannya atas kegagalan peribadi atau keluarga
- ⇒ Menuntut permintaan yang berlebihan untuk tingkah laku pasangannya
- ⇒ Keberatan untuk mengabaikan tanggungjawab peribadi untuk kehidupan keluarganya.

Oleh itu, kita harus ingat bahawa:

***Kita tidak boleh meminta pasangan/perkahwinan kita melakukan sesuatu untuk kita yang hanya Tuhan sahaja yang dapat melakukannya!***

### Peringatan

Berhati-hati supaya kita tidak terlalu merohanikan masalah ini dengan pernyataan seperti: “*Tuhan adalah segalanya yang anda perlukan!*” Mengapa? Ini adalah kerana Tuhan telah menciptakan kita di mana ada keperluan tertentu dalam kehidupan kita yang hanya boleh dipenuhi oleh orang lain. Jika kita dengan yakin mengajar “*Tuhan adalah segalanya yang kita perlukan*”, kita akan membuat orang yang mempunyai keperluan seksual dan emosi yang tulus memiliki rasa bersalah yang palsu.

Tuhan selalu mengasihi kita melalui pasangan

dan ahli keluarga kita. Perintah Yesus adalah untuk mengasihi satu sama lain sama seperti Dia telah mengasihi kita. Jadi, ajarkan mereka untuk memikirkan bahawa nilai diri mereka adalah sangat bernilai kepada Allah yang telah menghantar Anak-Nya untuk mati bagi mereka dan untuk mendamaikan mereka kepada-Nya. Mereka perlu mencari identiti mereka di dalam Allah sahaja, contohnya berbangga bahawa Dia adalah Bapa mereka.



**Penyebab** : Seks (kesatuan secara fizikal antara lelaki dan perempuan)

**Bantuan** : Ada dua isu yang selalu dibawa ke bilik kaunseling anda: Tuhan dan Seks. (Baca Kejadian 1-33). Walaupun kita mungkin percaya bahawa Allah adalah Tuhan yang berperaturan dalam alam fizikal, kita selalunya tidak percaya Dia juga telah membuat beberapa peraturan dalam alam seksual. Walaupun seks bukanlah perkara yang paling penting, tetapi:

- Pendidikan seks perlu didengar terlebih dahulu dari mimbar, gereja dan Sekolah Minggu; bukannya dari media.
- Ia perlu dibincangkan bersama pasangan dan anak-anak.

- Dua masalah lazim yang biasa ditemui ialah perkahwinan yang tidak ada komunikasi dan pasangan kurang menikmati perhubungan seksual mereka.
- (i) Terangkan bahawa ia adalah suatu dongengan di kalangan perempuan yang mengatakan, *"Jika dia benar-benar mencintai saya, dia akan tahu apa yang saya suka/perlukan ... bukan saja di dalam isu-isu seksual, tetapi juga di dalam isu-isu lain."*

***Ketahuiilah ... Para suami bukan pembaca fikiran!***

- (ii) Bantu mereka untuk memahami hakikat asas kemanusiaan ialah tidak ada dua orang yang benar-benar serupa. Kepuasan seksual dicapai dengan usaha keras dan bukannya dengan sekelip mata. Oleh itu, pasangan yang berkahwin perlu berkomunikasi di antara satu sama yang lain tentang keperluan masing-masing. Mengapa itu tidak dilakukan atau mengapa tidak boleh?
- (iii) Secara umum, di dalam dunia kita yang telah jatuh:
- Lelaki melakukan keintiman untuk mendapatkan perhubungan seks secara fizikal
  - Ketakutan lelaki ialah ketidak-

cekapannya di dalam perhubungan seks.

- Lelaki boleh melakukan perhubungan seks secara fizikal tanpa rasa kasih sayang.
- Perempuan pula mengutamakan seks untuk mendapatkan keintiman.
- Perempuan takut dipergunakan di dalam perhubungan seksual.
- Perempuan mahukan lebih kelembutan, kasih sayang, berkata-kata dan dibelai dengan penuh kasih sayang.

Ini tidak bermakna bahawa kaum perempuan kurang seksual. Mereka hanya berbeza sahaja. Sekiranya pasangan tidak mencapai kebahagiaan seksual yang masuk akal bagi satu hingga satu setengah tahun yang pertama, mereka mesti mendapatkan pertolongan.

- (iv) Tangani masalah seksual secara teologi. Baca buku-buku seperti '*Eros Redeemed*'<sup>6</sup>
- (v) Biasanya, apa sahaja yang seorang suami dan isteri dapat terima dengan gembira dan yang:
- Selesa secara fizikal dan sihat
  - Memuaskan secara emosi
  - Saling menyepakati
- adalah suatu yang wajar secara moral.

## 6

**Penyebab** : Kurangnya pemusatan. Pemusatan adalah kemampuan pasangan A untuk membuat pasangan B merasa seperti dia (suami/isteri) adalah keutamaan tertinggi di dalam kehidupan Pasangan A. Masalah timbul apabila Pasangan B merasakan bahawa Pasangan A tidak begitu peduli tentang apa yang dia (suami/isteri) rasakan/katakan/lakukan.

**Bantuan** : Ajarkan mereka cara-cara berkomunikasi sekali lagi, contohnya:

- (a) Setiap orang pasangan harus melengkapkan ayat di bawah ini dengan kata-katanya sendiri:

*“Saya berasa sangat dihargai di dalam kehidupan anda apabila anda berkata*

\_\_\_\_\_”

Biar mereka menulis fikiran dan perasaan mereka secara berasingan. Apabila telah selesai, minta mereka kongsi apa yang telah mereka tulis.

- (b) Setiap orang pasangan harus fokus kepada perkara-perkara yang positif dan indah tentang pasangannya tanpa



menghiraukan perkara yang negatif dan buruk, terutamanya hal-hal remeh. Dengan ini semua masa, tenaga dan daya usaha dapat disalurkan ke dalam tugas sebenar iaitu untuk membangun kasih dan bukannya menghancurkan satu sama lain.

- (c) Pada akhirnya, hanya Allah sahaja yang boleh meremukkan kita dan Dia melakukannya dengan lembut!



**Penyebab** : Harapan yang tidak masuk akal dan tidak realistik. Pembohongan di abad ke-20 ialah: 'Anda boleh memiliki semuanya'. Pembohongan di abad akan datang pula adalah: 'Jika anda tidak dapat memiliki semuanya, ambil apa sahaja yang ada di laluan anda' (D.A. Seamands). Akibatnya, pembohongan membawa ketidakelesaian dan melahirkan kemarahan serta perasaan tidak menentu.

**Bantuan** : Kadang-kala kaunseling berbentuk pendidikan diperlukan, terutama sekali apabila anak pertama dilahirkan. Harapan yang keterlaluan terhadap anak-anak serta tabiat asuhan ibu bapa boleh menyebabkan semuanya menjadi tidak menentu!

- Ajar ibu bapa dan anak-anak suatu gaya hidup yang munasabah menurut matlamat umum dalam hidup.
- Ajar setiap orang menjalankan satu jadual harian yang munasabah.
- Ajar mereka untuk menggunakan sepenuhnya apa yang telah Tuhan amanahkan kepada mereka dari segi tenaga, masa dan sumber-sumber material.

Dan ada juga masanya kita harus realistik secara kreatif untuk semua harapan-harapan kita.

***Jika matlamat tidak boleh dicapai melalui cara biasa, kenapa tidak mencuba jalan keluar yang lain daripada mengakibatkan frustasi untuk semua orang?***

Ia mungkin melibatkan perkara-perkara yang mudah dan rutin seperti di mana tempat untuk makan dan apa yang perlu dilakukan apabila anak-anak kecil tidak boleh duduk diam di kedai kopi. Pertimbangkan untuk mendapatkan tali pengikat kerusi bayi bagi anak yang aktif, atau menyediakan mainan untuk mengalihkan perhatiannya. Ia mungkin tidak produktif jika ibu bapa menuntut anak-anak yang masih muda untuk duduk diam dan menjadi bosan.



**Penyebab** : Hak sempadan peribadi

**Bantuan** : Kita perlu menghormati sempadan masing-masing, sama ada secara emosi atau geografi. Contohnya, si isteri mungkin mempunyai keutamaan untuk menggunakan dapur dengan caranya sendiri, manakala si suami pula mempunyai keutamaan bagaimana dia menggunakan bilik stor/tamu dengan caranya sendiri. Ini penting sekali di dalam keluarga masa kini yang kebanyakannya bekerja dari rumah, sama ada lelaki atau perempuan.



## Rundingan Untuk Berubah


**D**i sini, kita mempunyai pilihan menggunakan:

1. Prinsip sekular yang berdasarkan **Model Rawatan Berkontrak**, iaitu kedua belah pihak berusaha menetapkan peraturan yang mudah untuk diikuti. Jika salah seorang atau kedua-dua mereka mendapati peraturan itu tidak sesuai, mereka boleh membatalkan kontrak tersebut.
2. Prinsip Alkitabiah yang berdasarkan **Model Rawatan Perjanjian**. Ini bermakna kedua belah pihak bersetuju untuk mematuhi perintah-perintah Allah bagi keluarga dan individu. Mereka juga setuju untuk menggariskan beberapa peraturan yang fleksibel untuk diikuti. Mereka bersetuju walaupun mereka menghadapi masalah untuk mematuhi rincian peraturan tersebut, mereka tetap akan selalu hidup sebagai suami dan isteri sehingga kematian memisahkan mereka. Hanya ada satu pengecualian iaitu perceraian yang berpunca dari perzinaan seperti yang dinyatakan oleh Musa dan Yesus (walaupun pihak yang setia memilih untuk memaafkan dan meneruskan perhubungan perkahwinan tersebut).

### Membuat Perjanjian Untuk Berubah

Ubah Perilaku → Ubah Perasaan

Kadang-kadang, kita tidak boleh menunggu untuk mempunyai perasaan yang baik sebelum kita mengambil keputusan untuk berbuat baik. Kalau tidak, kedua-dua pihak akan terperangkap di dalam satu putaran yang merosakkan dan sia-sia.



Oleh kerana peristiwa-peristiwa di atas menyebabkan satu putaran maklum balas yang negatif, suami dan isteri perlu beralih kepada satu putaran maklum balas yang positif. Pentingnya beberapa perubahan adalah supaya

suami/isteri merasakan bahawa pasangannya sanggup berubah walaupun dia tidak memahami bagaimana perasaan/fikirannya yang sebenar.

Ajar individu yang secara relatif adalah sihat dari segi psikologi bahawa mereka tidak perlu menunggu sehingga perasaan mereka mengawal tingkahlaku mereka. Sebaliknya, mereka perlu menangani pergolakan perasaan yang tidak menentu ini untuk memecahkan putaran yang berpotensi untuk merosakkan perhubungan antara suami dan isteri.

Untuk membantu orang yang datang meminta kaunseling dari kita, Dr. Seamands mencadangkan dua jenis perjanjian:

### **1. Satu Perjanjian Pembelajaran**

Contohnya, si Isteri memaklumkan kepada suaminya bahawa tindakannya membuatnya terluka sebaik sahaja dia berasa hatinya disakiti. Si Suami tidak perlu mempertahankan dirinya. Sebaliknya, dia harus berkata, "Terima kasih kerana memberitahu saya."

Lazimnya ini diperlukan kerana seorang lelaki yang berpelajaran cenderung mengecewakan seorang perempuan melalui bahasa tubuh atau kata-katanya, baik ketika bersendirian mahupun di khalayak ramai. Biasanya lelaki tersebut tidak menyedari akan hal ini. Sebaliknya dia berfikir bahawa dia sedang mengambil berat akan isterinya atau sedang membantu isterinya untuk menghadapi "kebenaran tersebut." Perkara ini biasa terjadi kepada orang yang terlampau memen-

tingkan kesempurnaan. Si isteri akan mengajar suami-nya dan suaminya membenarkan dia berbuat demikian.

## 2. Satu Perjanjian Tindakan/Kelakuan

“Apakah yang anda mahu dia lakukan atau tidak lakukan?”

- Memastikan bilangan perubahan yang rendah di antara 1-3. Sekali sahaja adalah yang terbaik.
- Perubahan tingkahlaku haruslah spesifik.
- Dibangun atas kasih kurnia dan kemurahan.

Contohnya, “Berapa banyakkah kegagalan yang anda akan benarkan? Satu kali dalam setiap minggu?” Bertahu mereka untuk:

- Menerima hakikat bahawa perubahan sangat susah dan mengambil masa untuk berubah. Menyedari bahawa pasangan anda sedang cuba se-daya upayanya sudah cukup mendorong anda.
- Mengesah dan membenarkan pasangan anda. Contohnya, bila isteri membenarkan kemesraan yang lebih secara fizikal untuk suaminya, suami harus berkata: “Saya menghargai apa yang anda lakukan untuk saya”

### Ingatlah!

Bagi kaum perempuan, seks adalah satu ungkapan luaran dari satu kasih kurnia dalaman.

Lazimnya, keromantisan kehidupan akan bangkit bila ada pertambah-baikannya tingkah laku dan perasaan. Di dalam bilik kaunseling, adalah menjadi satu kegembiaraan apabila kita melihat satu pasangan yang dahulunya penuh dengan rasa marah sedang duduk berdekatan antara satu sama lain dan dapat saling berpandangan sekali lagi!



## Tindakan Susulan

### 1. Jadualkan satu pemeriksaan lanjut

Ini tidak boleh lewat dari sebulan kerana:

- Ia mencegah hal yang memalukan di pihak mereka jika terdapat kegagalan dan ini juga memudahkan mereka untuk terus menghubungi anda lagi.
- Ini memudahkan perhubungan di masa akan datang.

### 2. Galakkan mereka menyertai **Kelompok Perayaan Perkahwinan (*Marriage Enrichment Group*)**

Terutama sekali jika ada kelompok pertemuan yang dekat dengan tempat mereka, sebaik-baiknya dijalankan dengan cara Asia.




**Awat!**

Kebanyakan program-program seperti ini tidak berkesan bagi mereka yang menghadapi masalah serius. Ada pasangan yang mungkin akan meledak di dalam kelompok tersebut, yang akan menyakiti orang lain dan diri mereka sendiri. Mereka mungkin perlu menunggu sehingga komunikasi mereka bertambah baik.

**3. Menebus waktu di kalangan orang-orang yang belum percaya sekiranya mereka datang untuk mendapatkan bantuan dari anda**

Keajaiban dapat dilihat apabila perkahwinan seseorang diselamatkan. Peranan pastoral seorang kaunselor adalah untuk membantu supaya mereka mengetahui bahawa kerana Allah telah mengampuni dosa-dosa kita, kita juga boleh mengampuni dosa-dosa orang lain terhadap kita. Rahsia komuniti Kristian bukanlah kita tidak menyakiti antara satu sama lain di dunia yang telah jatuh ini, tetapi apabila kita telah saling menyakiti, kita dapat saling mengampuni dan terus mengasihi antara satu sama lain sama seperti Allah telah mengasihi kita ... ini adalah makna rahmat dan anugerah Allah. Kita berada di sana untuk mengasihi mereka, bukan menghakimi mereka di masa mereka memerlukan kita.



**4. Ingatlah peranan anda sebagai seorang pastoral kaunselor adalah untuk:**

- i. Menyelamatkan suatu perkahwinan dengan cara apapun dan lakukan yang terbaik.
- ii. Membantu mereka menghadapi kepedihan pemisahan atau perceraian sekiranya tragedi itu tidak dapat dielakkan. Ini lebih menyakitkan kalau penyebabnya adalah pasangan hidup mereka tidak setia dan berlaku curang.
- iii. Bagaimana mengikuti peraturan Tuhan dalam memberi kaunseling kepada mereka yang cuba untuk berkahwin semula. Contohnya,
  - a. Apabila salah seorang daripada mereka telah kahwin semula dan tidak ada kemungkinan untuk mereka kembali untuk hidup sebagai suami isteri lagi; atau
  - b. Di mana anak-anak yang masih kecil memerlukan sokongan dari ibu dan bapa dalam perkembangan hidup mereka dan tidak ada pilihan kecuali untuk mereka berkahwin semula.

Garis panduan di atas mungkin kelihatan tidak alkitabiah tetapi jika kita merenungi kata-kata Tuhan kita dan mencari kehendak-Nya bagi setiap kes, saya percaya Dia akan menunjukkan kepada kita cara-Nya yang adil dan penuh dengan belas kasihan. Banyak pasangan berada dalam situasi di mana emosi mereka 'sudah mati', pasangannya telah berlaku curang dan/atau keganasan telah berlaku. Kadang-kadang kita perlu menggalakkan pasangan yang setia untuk berpisah sementara tanpa melalui perceraian, sekiranya dia boleh hidup dengan selamat bersama anak-anaknya. Merujuk kembali akan selalu diutamakan supaya perkahwinan tersebut dapat diselamatkan.






## Refleksi

1. Tanya diri anda: *“di peringkat manakah saya kini berada di dalam perkahwinan saya?”*
2. Tanya diri anda: *“Apa yang Tuhan katakan kepada saya dan apakah respon saya? Adakah saya akan bersyukur dan menggunakan kehendak hati saya untuk berubah?”*
3. Untuk pastoral kaunselor yang belum berkahwin, tanya diri anda: *“Apakah batasan dan kekuatan saya dalam kaunseling perkahwinan? Atau adakah ini adalah pekerjaan orang lain?”*



## Rujukan

- <sup>1</sup> Diterjemah semula dari nota-nota kuliah Dr. D.A. Seamands untuk pastor-pastor yang sibuk dan pastoral kaunselor yang tidak terlatih. Digunakan dengan kebenaran beliau.
- <sup>2</sup> *Sherod Miller, Daniel Wackman, Elam Nunnally & Carol Saline, Straight Talk* (Signet Book, 1982)
- <sup>3</sup> Deborah Tannens, *You Just Don't Understand – Women and Men in Conversation* (William Morrow and Co. Inc., 1990)
- <sup>4</sup> Lee Bee Teik, *Friends of the Bridegroom*, Bab 6 & 10, terutamanya tentang komunikasi lisan (Roconre Publicaton, 1999)
- <sup>5</sup> Lee Bee Teik, *Forgiveness of the Reconciliation* (Roconre Publicaton, 1997)
- <sup>6</sup> John White, *Eros Redeemed* (IVP, 1993)

## Buku-buku dalam Siri Bimbingan Remaja



## Buku-buku dalam Siri Kaunseling



“Didiklah orang muda  
menurut jalan yang patut baginya,  
maka pada masa tuanya pun  
dia tidak akan menyimpang  
daripada jalan itu”.  
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.